

PENDEKATAN LINGUISTIK KOGNITIF DALAM PEMERIAN “DI ANTARA” / “ANTARA”

Imran Ho Abdullah

Abstrak

Tatabahasa Dewan (1993) menggariskan beberapa preskripsi tentang penggunaan “di antara” dengan “antara”. Ini termasuklah (a) “di antara” hanya digunakan untuk kedudukan fizikal atau arah [“antara” tanpa sendi nama “di” tidak boleh digunakan untuk menunjukkan kedudukan fizikal atau arah]; (b) “antara” digunakan untuk menunjukkan perbandingan; (c) “antara” apabila diikuti oleh kata nama am, kata nama am tersebut tidak perlu diulang; (d) “antara” boleh diikuti oleh kata bilangan tentu, kata bilangan tidak tentu dan kata bilangan himpunan tetapi tidak boleh digunakan seiring dengan kata bilangan tingkat; (e) “antara” boleh diikuti oleh kata ganti nama diri; dan (f) “di antara” dan “antara” dipadankan dengan kata sendi nama “dengan” bukan kata hubung “dan”. Kajian korpus pengkaji mendapati bahawa pengguna lebih kerap menggunakan struktur yang dikatakan “salah” dari segi rumus di atas. Dengan mengambil pendirian “nahu praktis”, pengkaji mencadangkan satu deskripsi penggunaan “antara” dan “di antara” yang berasaskan tatabahasa kognitif. Mengikut huraian tatabahasa kognitif, pilihan penggunaan “antara” dan “di antara” mencerminkan konsepsi yang berbeza. Dan lebih penting lagi, konsepsi itu mempunyai asas yang kukuh dari segi keupayaan kognitif penutur dan boleh dikaitkan dengan pengalaman dan pengkonsepsian sejagat penutur.

Abstract

This paper examines the prescriptions on the usage of “di antara” and “antara” in the Tatabahasa Dewan (1993). Among others, the prescription includes that (a) only ‘di antara’ can be used to indicate physical locations or directions [by implication this means that “antara” without the preposition “di” cannot be used to indicate physical location or di-

rection]; (b) “antara” is used to indicate comparisons; (c) “antara” when anteceded by a common noun, the noun cannot be duplicated; (d) “antara” can be anteceded by a cardinal number and a measure word but cannot be followed by an ordinal number; (e) “antara” can be followed by a pronoun; and (f) “di antara” and “antara” can be matched with the preposition “dengan” but not with the conjunction “dan”. The corpus study undertaken reveals that users preferred the usage that are regarded as errors by prescriptive rules. Taking the position of practical grammar, the paper suggests a usage of “antara” and “di antara” based on cognitive linguistics. An alternative description which can account for the differences in the usage of the two structures in terms of differences in conceptualization. It is argued that the selection between “antara” and “di antara” is based on the cognitive abilities and can be related to more universal cognition and experiences of the speakers.

PENDAHULUAN

Linguistik kognitif merupakan satu teori linguistik yang berpegang pada andaian bahawa struktur dan persoalan tatabahasa dapat diperjelas dengan memperlihatkan perkaitan antara tatabahasa dengan fenomena kognisi yang lebih umum. Dari segi ini, perbezaan dalam penggunaan sesuatu kata atau struktur, persoalan polisemi dan sebagainya, dilihat sebagai fenomena pengkategorian dan penkonseptualan yang lebih umum. Dalam makalah ini, teori linguistik kognitif digunakan untuk menganalisis dan menghuraikan satu aspek penggunaan bahasa yang sering mendatangkan kekeliruan. Aspek yang dikaji ialah penggunaan kata sendi nama “antara” dengan frasa sendi “di antara”, yang merupakan gabungan antara kata sendi nama “di” dengan kata arah “antara”. Makalah ini bertujuan meninjau semula penggunaan “di antara” / “antara” dari sudut linguistik kognitif berdasarkan data korpus sekali gus menjelaskan perbezaan antara penggunaan “di antara” / “antara”. Kajian yang dilaporkan dalam makalah ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan IRPA 07-02-02-0023 EA211 yang dijalankan di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertujuan menilai semula beberapa permasalahan nahu bahasa Melayu berdasarkan data korpus dengan tujuan membentuk satu nahu praktis bahasa Melayu.

Preskripsi Tatabahasa Dewan (1993) bagi Penggunaan “di antara” / “antara”

Kata “antara” dapat berfungsi sebagai kata sendi nama dan kata arah. Kata sendi nama ialah perkataan yang digunakan di hadapan frasa nama untuk

menghasilkan frasa sendi nama. Kata arah pula ialah kata yang menunjukkan arah atau kedudukan seperti atas, bawah, tengah, depan, belakang, luar, dalam, antara dan sebagainya. Kata arah biasanya digunakan di dalam frasa sendi, yakni mengikuti kata sendi nama. Hanya dua kata sendi nama, iaitu “di” dan “ke” dapat membentuk frasa sendi dengan kata arah. (Lihat: <http://www.dbp.gov.my/dbp98/bahasa/katsendi.htm>)

Berdasarkan definisi di atas, “di antara” merupakan frasa sendi yang terdiri daripada kata sendi “di” dan kata arah “antara”. Manakala, “antara” secara bersendirian bertindak sebagai satu kata sendi nama. Seterusnya, perbezaan antara kedua-duanya menurut *Tatabahasa Dewan* (1993:231–232) dan pedoman DBP¹ boleh dirumuskan seperti di bawah:

(a) Kedudukan fizikal dan arah

Untuk menunjukkan kedudukan fizikal atau arah hanya frasa sendi “di antara” digunakan sementara kata sendi nama “antara” tidak boleh digunakan untuk menunjukkan kedudukan fizikal atau arah. Contoh: *Tambak Johor terletak di antara Johor Bahru dengan Singapura.*

(b) Perbandingan

“Antara” (dan bukan “di antara”) boleh digunakan dengan frasa nama tempat (dan sebagainya) untuk menunjukkan perbandingan. Contohnya: *Antara Johor Bahru dengan Singapura banyak perbezaannya; Antara tingkat tiga dengan tingkat empat, tingkat empat lebih baik kedudukannya; Banyak persamaannya antara Fatimah dengan Rahmah.*

(c) “Antara” + kata nama am (tidak berganda)

“Antara” apabila diikuti oleh kata nama am, kata nama am tersebut (kebiasaannya) tidak perlu diulang. Apabila kata nama am yang mengikuti “antara” diulang, satu kesilapan dikatakan telah berlaku.

(d) “Antara” + kata bilangan

Kata sendi nama “antara” boleh diikuti oleh kata bilangan tentu (seperti dua, tiga, sepuluh, seribu dan sebagainya), kata bilangan tidak tentu (seperti beberapa, semua dan sebagainya), dan kata bilangan himpunan (seperti kedua-dua, ketiga-tiga, keenam-enam, beratus-ratus, berjuta-juta dan sebagainya) tetapi tidak seiring dengan kata bilangan tingkat seperti (kedua, ketiga, kesepuluh dan sebagainya.)

1 http://www.dbp.gov.my/dbp98/bahasa/di_antara.htm

(e) “Antara” + kata ganti nama diri

Kata sendi nama “antara” juga boleh diikuti oleh kata ganti nama diri seperti mereka, kita, dan -nya.

(f) “Antara” dan “di antara” dipadankan dengan kata sendi nama “dengan”

Apabila kata sendi nama “antara” atau frasa sendi “di antara” digunakan, kata yang dipadankan dengannya ialah kata sendi nama “dengan”, bukan kata hubung “dan”. Kesilapan yang selalu dilakukan oleh pengguna bahasa ialah penggunaan kata hubung “dan” di tempat kata sendi nama “dengan”.

(g) “Antara” digandingkan dengan kata sendi nama “hingga”

Selain kata sendi nama “dengan”, kata sendi nama “antara” boleh juga digandingkan dengan kata sendi nama “hingga” untuk menunjukkan lingkungan (tentang jarak, peratusan, masa, berat dan sebagainya). Contohnya, ... *antara 10 kilometer hingga 15 kilometer*; ... *antara 20% hingga 50%*; ... *antara 8 kilogram hingga 10 kilogram*; ... *antara akhir tahun tersebut hingga tarikh laporan ini*.

(h) “Antara” dalam ungkapan umum

Kata sendi nama **antara** juga digunakan dalam ungkapan-ungkapan umum seperti: ... *antara lain ...* ; ... *antara satu sama lain ...* ; ... *antara satu dengan yang lain ...*

Preskripsi tatabahasa yang diperturunkan oleh *Tatabahasa Dewan* (1993) adalah berasaskan “konsep struktur permukaan, sebagaimana yang dipegang oleh penganut-penganut aliran struktural” (Nik Safiah *et al.*, 2004:xix) yang menghuraikan tatabahasa berdasarkan struktur permukaan dengan memberikan penekanan kepada sintaksis dan morfologi tatabahasa. Sebaliknya, analisis linguistik kognitif melihat tatabahasa sebagai sebahagian daripada prinsip kognitif yang lebih umum. Maka, perbezaan pendekatan ini dengan huraian struktural adalah dari segi penekanan yang diberikan kepada unsur semantik dan konsepsi dalam pemerian sesuatu aspek tatabahasa.

OBJEKTIF DAN KAEDAH KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk melihat sama ada perbezaan yang dinyatakan di atas terbukti benar mengikut data penggunaan atau nahu praktis. Data penggunaan diperoleh daripada satu korpus yang mengandungi

lebih sejuta perkataan. Korpus yang digunakan dalam kajian ini adalah khusus daripada korpus buku yang disampel daripada himpunan teks dalam korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Statistik asas untuk korpus kajian adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Statistik asas korpus kajian.

Jumlah kata	1020575
Bilangan “di antara”	813 (48.9 %)
Bilangan “antara”	848 (51.1 %)

Daripada korpus ini, sebanyak 1661 penampilan “di antara” ($n = 813$) dan “antara” ($n = 848$) ditemui. Seterusnya, setiap ayat telah diteliti untuk memastikan kekerapan berlakunya *kesilapan* menurut preskripsi DBP. Setiap ayat juga diteliti untuk fungsi semantik “di antara” / “antara”. Data dan analisis yang telah dibuat boleh diperolehi daripada <http://pkukmweb.ukm.my/~iha/antara.pdf>. Secara ringkasnya, analisis menggunakan bantuan perisian *MS-Excel*. Ruangan menegak yang pertama (Kolum A) mencatatkan ayat daripada korpus. Kolum B mengekodkan sama ada ayat itu ayat “antara” atau “di antara”. Kolum C mencatatkan frasa nama hadapan bagi frasa sendi nama (trajektor) sementara Kolum D dan Kolum E mencatatkan frasa nama yang berfungsi sebagai petanda. Kolum F mencatatkan bentuk gabungan (contohnya, a dengan b, a dan b dan sebagainya). Kolum G mencatatkan fungsi semantik “di antara” / “antara” dalam ayat dan Kolum H mencatatkan bentuk kata nama am (sama ada penggandaan atau bukan; kata nama khas dan sebagainya) bagi frasa nama petanda pertama. Rumusan dapatan kajian ditampilkkan dalam bahagian yang seterusnya.

Rumusan Analisis Korpus

Dalam bahagian ini, analisis penggunaan “antara” dan “di antara” dilaporkan berdasarkan data kekerapan dalam korpus untuk setiap preskripsi yang disebut dalam Bahagian 2.

(a) *Kedudukan Fizikal atau Arah (reruang)*

Penggunaan kata sendi untuk fungsi menunjukkan kedudukan fizikal atau arah boleh dianggap sebagai fungsi prototaip bagi kata sendi (Taylor, 1995;

Dirven, 1993). Penggunaan dalam domain fizikal ini dikenali sebagai penggunaan reruang (*spatial usage*).

Data korpus menunjukkan bahawa sememangnya frasa sendi “di antara” berfungsi menunjukkan kedudukan fizikal atau arah. Contoh yang jelas dalam korpus:

- 1. Di pertengahan jalan **di antara** Yathrib dan Mekah, di sebuah tempat yang dipanggil al-Abwa, mereka berhenti. (B017 2800).
- 2. Kawasan ini dipilih berdasarkan lokasinya yang strategik **di antara** Bandar Raya Kuala Lumpur dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. (B010 918).

Namun, yang jelas daripada data korpus ialah penggunaan sendi nama “antara” (tanpa sendi nama “di”) juga kerap digunakan untuk kenyataan kedudukan fizikal atau arah:

- 3. Manusia bertopi merah itu tentu tidak dapat menghantar bantuan makanan dan ubatan ke khemah yang terletak **antara** dua banjaran gunung yang diliputi kabus ini. (B019 8672)
- 4. Tambak Johor menghubungkan **antara** negeri Johor dengan Singapura. (B009 1918)

Bilangan penggunaan “antara” dan “di antara” untuk menunjukkan reruang (kedudukan fizikal dan arah) adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Fungsi reruang (menunjukkan kedudukan fizikal atau arah).

	Kekerapan	Peratusan
“di antara”	31	39.2 %
“antara”	48	60.8 %
Jumlah	79	100 %

Berdasarkan data korpus, penggunaan kata sendi “antara” untuk fungsi reruang yang menunjukkan kedudukan atau arah [yang dikatakan sebagai “salah”] lebih kerap daripada penggunaan “di antara”.

(b) Menunjukkan Perbandingan

Penggunaan “antara” bagi menunjukkan perbandingan sering kali berkolokasi dengan lema **beza** (*perbezaan, berbeza, berbeza-beza,*

dibezakan); **sama** (*persamaan, disamakan*); **banding** (*perbandingan, dibandingkan, membandingkan dan sebagainya.*) dan juga konstruksi perbandingan melibatkan kata perbandingan seperti *lebih, kurang, paling* dan sebagainya.

5. **Antara** Bulan dengan Bumi, yang manakah lebih besar? (B008 1519).
6. **Di antara** ketiga-tiga komponen tadi, komponen afektif merupakan komponen yang paling ketara sekali kerana komponen inilah yang membezakan sikap daripada pendapat. (B001 2715).

Data korpus menunjukkan bahawa bukan sahaja “antara” tetapi juga “di antara” boleh berfungsi menunjukkan perbandingan. Kekerapan penggunaan “antara” dan “di antara” bagi menunjukkan perbandingan dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Fungsi perbandingan.

	Kekerapan	Peratusan
“di antara”	101	45.7 %
“antara”	120	54.3 %
Jumlah	221	100 %

Berdasarkan data korpus, jelas kedua-dua kata sendi “antara” dan frasa sendi “di antara” boleh berfungsi untuk menunjukkan perbandingan. Huraian tatabahasa yang mengehadkan dan membataskan penggunaan “di antara” untuk kedudukan fizikal dan arah dengan kata nama tempat dan “antara” untuk tujuan perbandingan jelas tidak disokong oleh data empiris. Kekerapan ini hampir serupa dengan “di antara” yang mencatatkan 45.7%, dan “antara” 54.3% atau nisbah hampir kepada 1:1. Sukar untuk diterima bahawa setiap penggunaan “di antara” yang menunjukkan perbandingan adalah satu kesalahan tatabahasa kerana ini akan bermaksud hampir separuh daripada penutur bahasa tidak tahu nahu bahasa mereka.

(c) ‘Antara’ + Kata Nama Am [- Penggandaan Penuh]

Satu lagi rumus tatabahasa yang berkaitan dengan kata sendi nama “antara” adalah bahawa kata nama am yang mengikutinya lazimnya tidak perlu

diulang (tanpa penggandaan penuh). Maka, sekiranya kata nama am yang mengikuti “antara” diulang, seperti (7 – 8) yang dijumpai dalam korpus kajian, ayat-ayat ini adalah tidak gramatis atau merupakan satu “kesalahan” tatabahasa.

7. **Antara** ciri-ciri kenakalan pada tahap kritikal adalah seperti berikut:- Tingkah laku dan pergerakan mereka ini sudah terlalu sukar untuk dikawal. (B021 2914)
8. Ada pula **antara** fatwa-fatwa ini kemudian didapati salah dan tidak dipersetujui oleh ulama-ulama yang datang kemudian, dan dengan itu dibatalkan. (B004 4609)

Sekali lagi data korpus memperlihatkan bahawa penggunaan “antara” + kata nama am [+ penggandaan penuh] juga berlaku dengan kekerapan yang agak tinggi. Sesungguhnya, penggunaan dalam bentuk penggandaan penuh berkaitan dengan fungsi makna jamak, namun tatabahasa Melayu membenarkan juga kata nama am tanpa penggandaan penuh untuk menunjukkan makna jamak. Contohnya, dalam ayat (9) *anak* boleh membawa maksud jamak atau tidak bergantung pada konteks sebenar.

9. Syarifah Azizah tidak mahu ikut sama dalam perbincangan **antara** anak dan bapa itu. (B029 3501)

Penggunaan penggandaan penuh atau tanpa penggandaan penuh juga berkaitan dengan konsep ketentuan rujukan dan juga konsep spesifik/penentu dalam semantik kata nama am. Kedua-dua bentuk kata nama am, yakni, [– penggandaan] dan [+ penggandaan] boleh digunakan berdasarkan fungsi semantik kata nama tersebut, sama ada untuk fungsi ketetapan dan ketentuan rujukan (seperti juga dengan kata nama khas) atau / dan maksud jamak mengikut konsepsi penutur. Dengan erti kata lain, sama ada penggandaan kata nama am dibenarkan dengan “di antara” / “antara” bukan

Jadual 4 “Antara” + kata nama am.

	Kekerapan	Peratusan
Kata nama am [- penggandaan penuh]	412	83.2 %
Kata nama am [+ penggandaan penuh]	83	16.8 %
Jumlah	495	100 %

satu isu nahu tetapi isu semantik. Hujah ini diperkuat dengan keupayaan penggandaan separa seperti *adik-beradik* dan juga kata nama am yang jamak seperti *manusia* untuk mengikuti “di antara” / “antara”. Pada masa yang sama, ada beberapa kata nama am yang tidak dijumpai dalam bentuk berganda kerana ketentuan rujukan seperti antara *bumi* dengan *langit*

Kajian korpus ini juga mendapati penggunaan “di antara” + kata nama am [- penggandaan penuh] dan juga [+ penggandaan penuh] yang kerap (bukan untuk tempat) seperti dalam ayat (10 – 11) di bawah. Kekerapan penggunaan [+ penggandaan penuh] dan [- penggandaan penuh] diberikan dalam Jadual 5.

10. Terdapat juga pergelutan **di antara** ahli-ahli untuk mendapatkan perhatian ketua atau kaunselor. (B020 3070)
11. Kesannya interaksi **di antara** ahli menjadi lemah dan mereka dirundung dengan perasaan syak wasangka dan takut. (B020 2134)

Jadual 5 “Di antara” + kata nama am.

	Kekerapan	Peratusan
Kata nama am [- penggandaan penuh]	327	75.3 %
Kata nama am [+ penggandaan penuh]	107	24.7 %
Jumlah	434	100 %

(d) Penggunaan “Bukan Tempat” atau “Arah”

Kategori penggunaan *bukan tempat* merupakan penggunaan “di antara” / “antara” yang lebih kerap berbanding dengan penggunaan *ruwang*. Lebih 95% data “di antara” / “antara” dalam korpus kajian adalah untuk penggunaan *bukan tempat*. Hakikatnya, kata sendi nama mempunyai pelbagai fungsi selain fungsi *ruwang* (*spatial*). Hal ini juga tercermin dalam makna “antara” seperti mana yang terdapat dalam kamus. *Kamus Dewan* menyenaraikan 12 makna untuk kata antara dan hanya empat daripada 12 makna itu yang mempunyai penggunaan *ruwang* (Nathesan, 1998). Namun begitu, menurut semantik kognitif kata sendi nama, maksud *bukan tempat* yang pelbagai ini mempunyai kaitan rapat dan merupakan unjuran daripada penggunaan *ruwang*. (Dirven, 1993; Imran, 2000).

Antara penggunaan *bukan tempat* termasuklah untuk menunjukkan perbandingan (lihat b); penyenaian; waktu; julat; perhubungan;

penggabungan; pembahagian; perantaraan dan pertentangan.

12. Asasnya pula gabungan **antara** akidah, syarak dan akhlak. (B002 8415)
13. Keuntungan yang lebih selain daripada diagih **antara** pekerja dan pemegang saham syarikat hendaklah digunakan untuk melabur terutama untuk pembesaran perniagaan. (B004 2663)
14. Walaupun demikian unsur-unsur Islam yang diselit-selitkan di **antara** ungkapan jampi mantera yang dituturkan juga tuntutan untuk melakukan ibadah oleh orang yang sedang menurun menyebabkan sesetengah orang memandangnya sebagai baik. (B014 1486)
15. Akibatnya ialah peperangan **antara** mereka yang tidak pernah tamat. (B004 6549)

Yang penting di sini adalah, sama ada data nahu praktis menyokong preskripsi bahawa hanya “antara” boleh digunakan untuk penggunaan *bukan tempat*. Data korpus menunjukkan bahawa kedua-dua “di antara” / “antara” digunakan untuk menunjukkan *bukan tempat* pada nisbah 1:1. Kekerapan penggunaan “di antara” / “antara” untuk *bukan tempat* dipaparkan dalam Jadual 6.

16. Satu lagi plot yang cukup popular di kawasan yang sama berada **di antara** dongeng wira atau dongeng ajaib. (B030 1132)
17. Dengan itu permusuhan berlaku **di antara** mereka dengan orang Islam lain. (B004 623)

Jadual 6 Penggunaan *bukan tempat*.

	Kekerapan	Peratusan
“di antara”	782	49.5 %
“antara”	799	50.5 %
Jumlah	1581	100 %

(e) “Antara” Diikuti dengan Kata Bilangan

Data korpus menunjukkan bahawa kedua-dua “antara” dan juga “di antara” boleh diikuti oleh kata bilangan tentu (seperti dua, tiga, sepuluh, seribu dan

sebagainya), kata bilangan tidak tentu (seperti beberapa, semua dan sebagainya), dan kata bilangan himpunan (seperti kedua-dua, ketiga-tiga, keenam-enam, beratus-ratus, berjuta-juta dan sebagainya).

18. a. Untuk membina sebuah masyarakat yang kuat, ia bukan sahaja memerlukan keharmonian tetapi juga keseimbangan **antara** kedua-dua aspek kehidupan itu. (B014 2953)
- b. Strategi merupakan faktor penggabung **di antara** kedua-dua faktor iaitu faktor organisasi dan persekitaran. (B001 349)
19. a. Dari hubungan teman untuk belajar, adik angkat, abang angkat dan kakak angkat ini timbul perasaan sayang dan kasih, lalu terbentuklah rasa cinta **antara** dua insan. (B022 1693)
- b. Proses intimasi biasanya adalah **di antara** dua individu tetapi bagaimana hendak menentukan jenis-jenis intimasi adalah menjadi satu masalah. (B020 1665)
20. a. Jelaslah dengan dasar-dasar yang baik, dengan rakyat yang sentiasa berusaha gigih dan bekerjasama **antara** semua pihak di semua peringkat – iaitu pekerja, Kerajaan dan swasta – kita dapat mengisikan kemerdekaan kita secara bermakna. (B004 5211)
- b. Suasana KK berbentuk persamaan **di antara** semua peserta dan kaunselor. (B020 576)

Satu lagi pemerhatian daripada korpus kajian menyangkal kenyataan bahawa kata bilangan tingkat seperti (kedua, ketiga, kesepuluh dan sebagainya) tidak boleh digunakan seiring dengan kata sendi nama “antara”. Kata tingkat didapati mengikuti “antara” dan juga “di antara”.

21. Negara selatan mencadangkan supaya masalah ini diselesaikan melalui rundingan **antara** kedua pihak. (B012 6667)
22. Misalnya, populasi atau bidang sampelnya mengandungi N unsur dan saiz sampel yang diperlukan ialah n, jadi kita cuma mencari nisbah **di antara** kedua angka itu iaitu Nn untuk mendapatkan satu jeda. (B001 8216)

Kekerapan kemunculan “antara” dan “di antara” diikuti kata bilangan dipaparkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 “Antara” / “di antara” + beberapa jenis kata bilangan.

	Antara	Di antara	Jumlah
<i>Kata bilangan tentu</i>	26	48	74
<i>Kata bilangan tak tentu</i>	10	15	25
<i>Kata bilangan himpun</i>	19	28	47
<i>Kata bilangan tingkat</i>	6	10	16
Jumlah	61	100	148

(f) “Antara” Diikuti dengan Kata Ganti Nama Diri

Data korpus menunjukkan ganti nama diri boleh mengikuti “antara” dan juga “di antara”. Bahkan, kes penggunaan [bukan reruang] “... di antara mereka ...” tiga kali lebih kerap daripada “... antara mereka ...”. Jadual 8 menunjukkan kekerapan “antara” / “di antara” diikuti dengan kata ganti nama diri.

Jadual 8 “Antara” + ganti nama.

	Antara	Di antara	Jumlah
<i>aku</i>	1	-	1
<i>anda</i>	2	2	4
<i>awak</i>	-	1	1
<i>Baginda</i>	-	1	1
<i>dia</i>	6	2	8
<i>kami</i>	3	-	3
<i>kamu</i>	1	16	17
<i>kita</i>	13	5	18
<i>mereka</i>	25	65	90
Jumlah	51	92	143

(g) “Di antara” / “antara” Dipadankan dengan Kata Sendi Nama “dengan”

Preskripsi menyatakan bahawa “apabila kata sendi nama **antara** atau frasa sendi **di antara** digunakan, kata yang dipadankan dengannya ialah kata sendi nama **dengan**, bukan kata hubung **dan**”.

Data korpus menunjukkan bahawa padanan dengan “dan” cukup kerap dalam penggunaan (n = 108 berbanding “dengan” n = 140). Antara contoh yang jelas dalam korpus:

23. Catatkan kesamaan-kesamaan yang terdapat **antara** adat resam dan pantang larang kaum-kaum itu. (B012 2402)
24. Hubungan komunikasi yang baik dapat mengeratkan perhubungan **antara** ibu bapa dan anak-anak. (B021 5064)
Selain daripada itu, satu lagi padanan adalah kata sendi “daripada”:
25. Cara yang paling mudah untuk membezakan **di antara** pemborong daripada peruncit ialah dengan melihat tujuan pembeliannya. (B001 5736)
26. Cara dan penglibatan unsur ritualnya juga berbeza **di antara** satu aliran daripada aliran sama lain. (B014 2510)

Struktur padanan yang berbeza-beza bagi “antara” dan “di antara” diberikan dalam Jadual 9.

Jadual 9 Bentuk deretan kata nama yang dipadankan dengan “antara”.

	Antara	Di antara	Jumlah
...a dengan b...	140	172	312
...a dan b...	108	79	187
...a atau b...	5	2	7
...a,b dengan c...	1	-	1
...a,b dan c...	12	5	17
...a,b atau c...	1	-	1
...a dan b dengan c...	6	8	14
...a dengan b dan c...	4	5	9
...a atau b dengan c...	2	3	5
...a dan b atau c...	1	-	1
...a dan b dan c...	-	1	1
...a daripada b...	1	6	7
...a ke b...	2	-	2
...a tetapi b...	1		
Jumlah			

Kenyataan bahawa “kata hubung **dan** hanya dapat digunakan apabila kata sendi nama ‘antara’ diikuti oleh lebih daripada dua frasa nama” juga jelas tidak begitu tepat. Pelbagai variasi ditemui dalam korpus.

27. Suntikan jarum halus ini akan diteruskan sehinggalah mereka dapat mengasingkan **di antara** yang menerima konsep dan pemikiran mereka dengan yang dikatakan kolot kerana tidak mahu menerimanya. (B005 2408)
28. Apakah hubungan **antara** Ali dan Nora dengan Aziz? (B009 510)
29. Isu yang berbangkit ini ialah kerajaan lawan Mufti, mengingatkan saya kepada perbalahan **antara** maharaja empayar Rom **dan** raja-raja Eropah purba **dengan** para paderi. (B025 3155)
30. Perikatan dan Suruhanjaya Reid sebenarnya cuba mengelak dari membangkitkan kesulitan **di antara** UMNO, MCA **dan** MIC. (B013 11273)
31. Tok Anjang terperangkap dalam dilema **antara** dua persoalan, perikemanusiaan **atau** mementingkan diri sendiri. (B019 1280)
32. Guru memberitahu juga bahawa di negeri Johor terdapat banyak jalan raya yang baik menghubungkan **antara** tempat ke tempat. (B009 2382)

(h) “Di antara” / “antara” Digandingkan dengan Kata Sendi Nama “hingga”

Dalam kes gandingan dengan kata sendi nama *hingga*, gandingan yang dijumpai dalam korpus tidak hanya terhad kepada kata sendi nama “antara”. Bahkan mengikuti data korpus, frasa sendi “di antara” lebih kerap digabungkan dengan kata sendi nama *hingga*. Kekerapan gandingan “di antara” / “antara” dengan kata sendi nama *hingga* diberikan dalam Jadual 10.

Jadual 10 Penggunaan “antara” dan “di antara” dengan kata sendi nama *hingga*.

	a - b	a hingga b	Jumlah
“di antara”	11	25	35
“antara”	12	14	26
Jumlah	23	39	62

(i) “Di antara” / “antara” dalam Ungkapan Umum

Ungkapan umum seperti ‘*antara satu dengan lain*’; ‘*antara satu sama lain*’

dan juga ‘*antara satu dengan yang lain*’ juga mempunyai variasi yang sepadan menggunakan di antara: ‘*di antara satu dengan lain*’; ‘*di antara satu sama lain*’ dan ‘*di antara satu dengan yang lain*’. Dalam hal ini, ungkapan di antara satu dengan lain jauh lebih kerap ditemui berbanding ‘antara satu dengan lain’. Manakala, ‘antara satu dengan yang lain’ serta ‘antara lain’ lebih kerap daripada ungkapan menggunakan di antara. Kekerapan ungkapan umum antara / di antara diberikan dalam Jadual 11.

Jadual 11 Beberapa ungkapan umum melibatkan “di antara” / “antara”.

Ungkapan umum	<i>antara</i> __	<i>di antara</i> __	Jumlah
... <i>lain(nya)</i> ...	37	5	
... satu dengan lain...	3	29	
... satu sama lain...	56	28	
... satu dengan yang lain...	7	1	

PERBEZAAN ANTARA “ANTARA” DENGAN “DI ANTARA” DARI SUDUT LINGUISTIK KOGNITIF

Jelas daripada analisis korpus bahawa preskripsi *Tatabahasa Dewan* tentang perbezaan “di antara” / “antara” tidak didukung oleh data empirikal. Kedua-dua bentuk jelas digunakan dalam banyak keadaan seolah-olah kedua-dua bentuk itu wujud sebagai variasi bebas. Namun, hujah variasi bebas ini sukar untuk diterima, kerana lazimnya bahasa bersifat ekonomis dan tidak wujud dua bentuk yang mempunyai fungsi seratus peratus sama. Jadi, apakah sebenarnya perbezaan “di antara” / “antara”? Pengkaji mencadangkan bahawa perbezaan “di antara” / “antara” dapat diuraikan dengan jelas dan baik berdasarkan pendekatan linguistik kognitif.

Berdasarkan data korpus, tiada perbezaan ketara dari segi penggunaan “antara” dengan “di antara”. Bukti tambahan tentang persamaan antara kedua-dua bentuk ini dapat dilihat daripada persamaan kolokasi kedua-dua “antara” dan “di antara”. (Lihat Jadual 12)

Ternyata, kedua-dua bentuk mempunyai kecenderungan berkolokasi bersama beberapa kata seperti *hubungan*, *perbezaan*, *persengketaan*, *pertelingkahan*, *penceraian*, *kerjasama*, *perkongsian*, *kaitan*, *jurang* dan sebagainya. Kolokasi ini memberikan petunjuk kepada pengkategorian semantik “di antara” / “antara” dari sudut linguistik kognitif.

Jadual 12 Data kolokasi, satu perbandingan “antara” dan “di antara”.

Kolokasi antara	f	Kolokasi di antara	f
adalah	25	adalah	32
ada	25	ada	32
perbezaan	16	hubungan	23
hubungan	16	interaksi	18
itu	11	perbezaan	18
perhubungan	11	rapat	16
baik	9	berlaku	16
membezakan	9	berbeza	12
kerjasama	9	membezakan	12
inilah	7	dan	10
merupakan	7	ialah	8
ini	6	perhubungan	8
Malaysia	6	berbeza-beza	7
berlaku	6	ini	7
peperangan	6	ramai	6
rapat	6	pertalian	6
berbeza	6	juga	6
dan	6	terletak	5
itulah	5	pasaran	5
lubang	5	baik	5
persaingan	5	berumur	5
perbualan	4	perbandingan	5
perbandingan	4		


Penggunaan “di”

Sendi kata “di” menzahirkan perbezaan antara “antara” dengan “di antara”. Kata sendi nama ini merupakan kata sendi nama asas bahasa Melayu dari segi morfologi dan juga semantik (selain kata sendi nama “ke”). Kata sendi nama “di” berfungsi untuk menunjukkan tempat secara umum dan boleh bergabung dengan kata sendi arah untuk membentuk frasa sendi seperti *di dalam*, *di atas*, *di tepi*, *di bawah*, dan sebagainya. Jelas, kata sendi kompleks

(frasa sendi) amat bergantung pada kata arah yang mengikutinya untuk memberikan maksud yang lebih jelas dan jitu.

Dari sudut linguistik kognitif, kata sendi nama (preposisi) mempunyai peranan penting bagi menyatakan perhubungan antara dua atau lebih entiti / peristiwa. Misalannya, *rumah di atas bukit* menghubungkan entiti 1 (rumah) dengan entiti 2 (bukit). Frasa sendi menyatakan lokasi entiti 1 (yang diistilahkan sebagai **trajektor**) berpandukan kedudukan entiti 2 (yang diistilahkan sebagai **petanda**). Preposisi yang berbeza boleh digunakan untuk menyatakan sesuatu perhubungan menurut pengkonsepsian penutur. Misalnya dalam Gambar 1, penutur boleh menggunakan sama ada kata arah *atas* atau *bawah* mengikut pengkonsepsian beliau untuk menyatakan hubung kait lokasi kerusi dengan gambar:

33. a. Gambar di atas kerusi. (Gambar 1a)
b. Kerusi di bawah gambar. (Gambar 1b)



Gambar 1a



Gambar 1b

Lazimnya, yang dipilih sebagai petanda itu lebih besar, lebih statik, lebih dikenali atau lebih nyata (*salient*) agar pengenalpastian sesuatu lokasi dapat ditentukan. Namun begitu, dalam sesetengah keadaan, kedua-dua entiti sesuai untuk dijadikan trajektor atau petanda. Oleh itu, bentuk yang dipilih oleh penutur sebenarnya bergantung pada pengkonsepsian penutur. Dengan erti kata lain, konstruksi linguistik yang berbeza (umpamanya “di antara” / “antara”) yang membenarkan pengkonsepsian yang berbeza itu. Dalam kes preposisi, pengkonsepsian yang berbeza itu mencerminkan pilihan untuk memprofilkan unsur yang berbeza dalam hubung kaitan preposisi itu, yakni antara hubung kaitan, trajektor mahupun petanda. Dalam contoh di atas,


kedua-dua *di atas* dan *di bawah* boleh digunakan untuk gambar yang sama. Penutur memilih entiti mana yang mahu diprofilkan sebagai trajektor dan yang mana pula sebagai petanda.

Demikian juga perbezaan antara “antara” dengan “di antara”. Perbezaan antara dua bentuk ini adalah perbezaan pengkonsepsian. Dalam hal kata “antara”, tiga predikat terlibat:

antara (a,b,c) di mana a = trajektor manakala b dan c merupakan petanda.

Sering kali juga hanya (a,b) dinyatakan. Misalnya, *jambatan di antara JB dengan Singapura*, jambatan merupakan trajektor manakala JB dan Singapura adalah petanda 1 dan petanda 2 masing-masing.

Dari segi penggunaan reruang, perbezaan antara penggunaan “antara” dengan “di antara” boleh dihuraikan dalam rajah di bawah, di mana entiti yang diprofilkan dilambangkan oleh garis yang lebih tebal.



Jambatan **di antara** JB dengan Singapura dibina pada tahun 1964.



Jambatan antara JB dengan Singapura dibina pada tahun 1964.

Linguistik Kognitif juga boleh menghuraikan kepelbagaian penggunaan “antara” dan “di antara” sebagai ekstensi daripada penggunaan reruang yang lebih asas. Dalam setiap domain penggunaan itu, pilihan menggunakan “antara” atau “di antara” dapat dijelaskan sebagai perbezaan pengkonsepsian dengan menggunakan kerangka deskripsi yang sama, dan dengan itu memenuhi syarat kecukupan penerangan dalam penghuraian linguistik.

Dalam kes penggunaan dalam domain bukan reruang, misalan untuk menunjukkan perbandingan atau menyatakan satu julat masa atau penyenaian, ekstensi daripada ruang fizikal kepada ruang metaforikal dikatakan berlaku. Keupayaan kognitif (mekanisme metafora) ini merupakan sesuatu yang asas kepada manusia dan boleh dilihat dalam semua aspek penggunaan bahasa. Ekstensi daripada yang fizikal kepada ruang metafora jelas dalam contoh di bawah apabila “jambatan” diertikan dalam ruang metafora:

34. Lawatan Tun Razak ke China kononnya sengaja diperbesarkan untuk menunjukkan bahawa komunis telah menguasai negara dan kononnya **antara** Malaysia dan China telah wujud satu **jambatan** komunis yang kukuh. (B013 5155)

Perbezaan “di antara” / “antara” dalam domain lain


Penggunaan bukan tempat bagi “di antara” / “antara” boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Setiap jenis penggunaan ini merupakan ekstensi daripada penggunaan reruang yang menunjukkan hubung kaitan antara dua atau lebih entiti, ada entiti trajektor dan entiti petanda. Yang berikut ini dibincangkan beberapa jenis penggunaan “di antara” / “antara”:

a. Waktu

Penggunaan dalam domain waktu (*temporal*) biasanya merujuk kepada julat masa antara satu petanda dengan petanda yang lain. Entiti trajektor pula dikaitkan dengan peristiwa yang berlaku antara dua petanda waktu tersebut.

35. Tentukan jarak umur peserta-peserta tidak terlalu jauh, misalnya pelajar berumur **di antara** 15 hingga 17 tahun bolehlah disamakan dalam satu kelompok tetapi janganlah disamakan pelajar yang berumur 13 tahun dengan pelajar yang berumur 17 tahun. (B020 6250)
36. Kita dapat melihat dengan jelas bagaimana seorang manusia berubah fikiranannya, dan pendiriannya, **di antara** waktu dia belum berkuasa dengan waktu dia sudah berkuasa. (B003 3768)
37. Bagaimanapun Ramayana dikaitkan dengan proses penaklukan India Selatan oleh suku-suku Aryan pada milenium 1 S.M. pada hal pembukuannya terjadi di antara abad ke-2 S.M. sehingga abad ke-2 T.M. (B030 2565)


Dalam hal ini, pemilihan “antara” atau “di antara” berkait dengan pengkonsepsian yang sama seperti dalam domain reruang fizikal.



b. Reruang abstrak (skalar)

Penggunaan dalam domain reruag abstrak (skalar) juga berkait dengan julat. Dalam hal ini, julat antara satu petanda dengan petanda yang lain. Entiti trajector pula dikaitkan dengan bilangan / kuantiti di atas skalar tersebut yang terletak antara dua petanda pada skalar itu. Dalam hal ini pemilihan “antara” atau “di antara” juga boleh dikaitkan dengan pengkonsepsian yang sama seperti dalam domain reruag fizikal dan domain reruag waktu.

38. Mengikut Gazda, 1976, bilangan untuk Kaunseling Kelompok bagi remaja ialah **di antara** anam hingga lapan orang. (B020 6394)
39. Manakala keluaran jenama-jenama lain adalah **di antara** \$2.90 hingga \$3.00 seunit. (B001 1665)




c. Pilihan

Dalam penggunaan “di antara” / “antara” untuk menunjukkan pilihan, terdapat perubahan pada skema daripada yang dibincangkan di atas. Dalam hal ini, hubung kaitan “antara” dengan entitinya lebih bercorak tindanan dalaman di mana trajektor merupakan sebahagian daripada petanda:

40. Siapakah **antara** tetamu kehormat yang hadir di majlis itu? (B007 2334)
41. Beberapa buah karya sastera Islam telah dihasilkan daripada beberapa peraduan menulis sastera Islam, ada **di antara** karya tersebut mencapai mutu yang tinggi. (B014 4595)


Perbezaan pengkonsepsian antara penggunaan “antara” dengan “di antara” dalam hal ini boleh digambarkan seperti yang berikut:



d. Penyenaraian


Penyenaraian boleh dianggap sebagai sejenis pemilihan (penyenaraian pendek unsur untuk diketengahkan). Dalam penggunaan “di antara” / “antara” untuk fungsi semantik penyenaraian, unsur yang menjadi trajektor juga merupakan ahli dalam kumpulan petanda. Penggunaan penyenaraian lazimnya dalam konstruksi “di antara” / “antara” ... **adalah / ialah / termasuklah** x, y, z dan sebagainya. Dan juga ungkapan umum “antara lain”:

42. **Antara** fungsi utamanya **ialah** untuk memajukan semula kawasan perniagaan dan komersial bandar dan memastikan penyertaan 30 peratus komuniti Melayu dalam kegiatan ekonomi bandar UDA. (B013 3149)
43. **Di antara** fungsi-fungsi pemasaran ini termasuklah pembelian, penjualan, pengangkutan, penstoran, penggredan, pembiayaan, penanggungan risiko dan penyampaian maklumat pasaran. (B001 5379)



e. Hubungan (sudah dibincangkan di atas) kata kunci:

Penggunaan “antara” bagi menunjukkan hubungan lazimnya melibatkan kolokasi dengan lema **hubung** (*perhubungan, hubungan berhubung*); dan kata seperti *bergaul, berkait, kerjasama, sokong, kasih sayang, persefahaman, pertalian, tolong-menolong* yang melibatkan dua atau lebih pihak dalam sesuatu perkaitan.



Contoh ayat dalam kategori penggunaan ini termasuklah:


44. Rangkaian yang rapat **di antara** pengusaha dan ahli perniagaan boleh melibatkan tindak balas kepada peluang dalam masa yang amat singkat. (B002 965)
45. Oleh kerana terdapat hubungan **di antara** perubahan teknologi dan kelebihan persaingan maka beberapa ujian boleh digunakan untuk menentukan adakah perubahan teknologi menuju ke arah yang diharapkan iaitu menyumbang terhadap kelebihan persaingan. (B002 4961)
46. Di samping itu, wujud hubungan dan persefahaman yang baik **di antara** pucuk pimpinan Dewan dan Kerajaan. (B004 7915)

Satu subjenis HUBUNGAN yang khusus ialah perkaitan peserta dalam satu interaksi, seperti perbualan, perjanjian, dialog, interaksi, komunikasi, dan sebagainya.

47. Dalam perbualan **antara** Pak Cik Ali dengan Johan dalam gambar di atas, ada disebutkan perkataan luas. (B008 713)

48. Dia mungkin terpaksa memberi muka kepada Ghazali Shafie yang menguruskan, dengan persetujuan Hussein, pengakuan pemuliharaan Tan Sri Samad Ismail sebelum dibebaskan, walaupun tindakan dan keputusan membebaskannya seharusnya dirundingkan **di antara** Dr. Mahathir dengan Perdana Menteri dan walaupun Samad tidak dibebaskan, sehingga Hussein berundur dalam tahun 1981. (B013 4781)

Pengkonsepsian yang berbeza antara penggunaan “antara” dengan “di antara” dijelaskan dalam rajah di bawah:




f. Pertentangan

Penggunaan “antara” bagi menunjukkan pertentangan merupakan antitesis kepada fungsi (e) HUBUNGAN yang dibincangkan di atas. Jenis ini berkolokasi dengan kata seperti *pertelingkahan*, *pertentangan*, *perbalahan*, *konflik*, *pergaduhan*, *peperangan*, *pertembungan* dan sebagainya, yang melibatkan dua atau lebih pihak dalam konflik:

49. Maka pertembungan berlaku **antara** gerakan Islam dengan pembesar Quraisy. (B025 4805)
50. Pada masa yang sama berusaha mengelakkan konfrontasi **di antara** peserta-peserta pada awal sesi. (B020 6664)


Pengkonsepsian yang berbeza antara penggunaan “antara” dengan “di antara” dijelaskan dalam rajah di bawah:



g. Perbandingan

Penggunaan “di antara” / “antara” sudah dibincangkan dalam bahagian di atas. Fungsi menunjukkan perbandingan sering kali berkolokasi dengan lema **beza** (*perbezaan, berbeza, berbeza-beza, dibezakan*); **sama** (*persamaan, disamakan*); **banding** (*perbandingan, dibandingkan, membandingkan* dan sebagainya) dan juga konstruksi perbandingan melibatkan kata perbandingan seperti *lebih, kurang, paling* dan sebagainya).

Pengkonsepsian yang berbeza antara penggunaan “antara” dengan “di antara” dijelaskan dalam rajah di bawah:




h. Perantaraan

Penggunaan “di antara” / “antara” dalam fungsi menunjukkan perantaraan melibatkan dua pihak yang berantara, dan trajektor merupakan perantara. Contoh ayat dalam penggunaan adalah seperti di bawah ini:

51. Sebagai Wakil Rakyat dari parti pemerintah, pemimpin-pemimpin UMNO yang berkenaan sekurang-kurangnya dapat memainkan peranan sebagai broker dalam konteks pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan, kerana merekalah yang menjadi orang perantaraan **antara** penduduk kampung dengan pemimpin atasan. (B013 8274)
52. Sebagai ketua cawangan UMNO, peranan utama MA tidak lain daripada menjadi broker **di antara** penduduk kampung dengan pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat yang lebih tinggi, khasnya dengan Wakil Rakyat, sama ada dari segi politik atau pembangunan. (B013 7969)

Pengkonsepsian yang berbeza antara penggunaan “antara” dengan “di antara” dijelaskan dalam rajah di bawah:




i. Penggabungan

Dalam penggunaan “di antara” / “antara” untuk menunjukkan gabungan, hubung kaitan “antara” entiti dalam predikasi preposisi itu membentuk satu trajektor yang berkesatuan hasil daripada gabung antara petanda yang terlibat. Penggunaan jenis ini lazimnya melibatkan kata seperti *adunan*, *campuran*, *persenyawaan*, *pernikahan*, *perkahwinan* dan sebagainya yang menggabungkan dua atau lebih entiti untuk membentuk sesuatu hasil gabungan entiti tersebut. Contoh ayat adalah seperti di bawah:

53. Oleh itu apa yang dipaparkan oleh pengarang dalam karyanya adalah adunan **antara** interpretasi pengalaman kehidupan sosial yang terhasil melalui kesedaran dan kepekaannya sendiri. (B014 9472)
54. Umpamanya, dalam institusi perkahwinan, faktor baka menentukan bahawa perkahwinan itu mestilah **di antara** lelaki dengan perempuan. (B001 3287)

Perbezaan pengkonsepsian antara penggunaan “antara” dengan “di antara” boleh dijelaskan dalam rajah di bawah:




j. Pembahagian

Penggunaan “di antara” / “antara” untuk menunjukkan PEMBAHAGIAN merupakan antitesis kepada penggunaan PENGGABUNGAN yang dibincangkan di atas. Dalam kes PEMBAHAGIAN hubung kaitan yang sebaliknya berlaku di mana trajektor berpecah menjadi unsur petanda. Penggunaan jenis ini lazimnya melibatkan kata seperti *tersebar*, *pembahagian*, *ceraian*, *agihan*, dan sebagainya yang mencerakinkan atau membahagikan satu entiti kepada beberapa yang lain. Contoh ayat adalah seperti di bawah:

55. Usaha-usaha untuk memodenkan kaum tani Melayu di era selepas kolonial telah meruncingkan lagi pembahagian sosial **antara** pengeluar dan kelas-kelas sosial yang lain. (B013 683)
56. Cerita-cerita mengenai anak piatu yang miskin, seperti cerita Indian Amerika, tersebar pula **di antara** orang Eskimo dan orang Chukchi. (B030 984)

Perbezaan pengkonsepsian antara penggunaan “antara” dengan “di antara” boleh dijelaskan dalam rajah di bawah:




Taburan “di antara” / “antara” mengikut jenis

Jadual 13 di bawah menunjukkan bilangan penggunaan dan peratusan mengikut jenis bagi “antara” dan “di antara”. Perbandingan antara penggunaan kedua-dua bentuk ini bagi setiap jenis penggunaan dapat dilihat dengan lebih jelas daripada Rajah 1. Tujuan pemaparan taburan adalah untuk melihat terdapatnya perbezaan berdasarkan jenis penggunaan bagi “di antara” / “antara”.

Jadual 13 Taburan mengikut jenis penggunaan bagi “di antara” / “antara”.

Fungsi	Bil. antara	%	Bil. di antara	%	Jumlah
Ruang	48	60.76	31	39.24	79
Waktu	23	48.94	24	51.06	47
Banding	120	54.30	101	45.70	221
Skalar	14	40.00	21	60.00	35
Penggabungan	26	59.09	18	40.91	44
Pembahagian	8	50.00	8	50.00	16
Perantaraan	5	33.33	10	66.67	15
Hubungan	155	45.06	189	54.94	344
H2	30	37.04	51	62.96	81
Pertentangan	84	59.57	57	40.43	141
Penyenaraian	137	55.69	109	44.31	246
Pilihan	197	50.77	191	49.23	388
Lain-lain	1	25.00	3	75.00	4
Jumlah	848	51.05	813	48.95	1661

Berdasarkan perbandingan peratusan penggunaan, ternyata ada penggunaan “antara” lebih kerap daripada “di antara”. Penggunaan yang dimaksudkan ini termasuklah penggunaan ruang fizikal, PERBANDINGAN, PENGGABUNGAN, PERTENTANGAN dan PENYENARAIAN. Manakala bagi penggunaan ruang abstrak (skalar), PERANTARAAN dan HUBUNGAN, ternyata “di antara” lebih kerap digunakan. Bagi penggunaan seperti WAKTU, PEMBAHAGIAN dan PEMILIHAN tiada perbezaan ketara berdasarkan statistik penggunaan.



Rajah 1 Perbandingan “di antara” / “antara” mengikut jenis penggunaan.

KESIMPULAN

Jelas, daripada analisis korpus bahawa preskripsi *Tatabahasa Dewan* tentang penggunaan “di antara” / “antara” bercanggah dengan data empirikal. Kedua-dua bentuk sering digunakan bersilih ganti dalam banyak keadaan seolah-olah kedua-dua bentuk ini wujud sebagai variasi bebas. Namun, hujah variasi bebas ini sukar diterima, kerana lazimnya bahasa bersifat ekonomikal dan tidak wujud dua bentuk yang mempunyai fungsi seratus peratus sama. Jadi apakah sebenarnya perbezaan “di antara” / “antara”? Makalah ini mencadangkan bahawa perbezaan “di antara” / “antara” dapat dihuraikan dengan jelas dan baik berdasarkan pendekatan linguistik kognitif. Secara ringkasnya, pemerian nahu penggunaan “antara” dan “di antara” dari sudut tatabahasa kognitif berasaskan pengkonsepsian yang berbeza. Lebih penting lagi, konsepsi itu mempunyai asas yang kukuh dari segi keupayaan kognitif penutur dan boleh dikaitkan dengan pengalaman dan pengkonsepsian sejagat penutur.

RUJUKAN

- Antara “di antara” dengan “antara”, apakah perbezaannya?* [http://www.dbp.gov.my/dbp98/bahasa/di antara.htm](http://www.dbp.gov.my/dbp98/bahasa/di%20antara.htm)
- Asmah Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Dirven, R., "Dividing up Physical and Mental Space" dlm. In C. Zelinsky-Webbelt, 1993. *The Semantics of Prepositions*. Berlin: Walter de Gruyter.
- Imran Ho Abdullah, "Contrasting Malay-English Prepositional Categories. Indulging in IN" dlm. Chan Swee Heng, Mohammad A. Quayum dan Rosli Talif (ed.), 2000. *Diverse voices. Readings in Language, Literature and Culture*. Serdang: Penerbit UPM.
- Imran Ho Abdullah, 2002. "Analisa Semantik Kognitif Pernyataan PERBANDINGAN: Lebih dan Kurang (Konstruksi Perbandingan Bahasa Melayu – pendekatan linguistik kognitif)". Kertas kerja Persidangan Pengajian Melayu Ke-2, Beijing, China. 8 – 15 Oktober 2002.
- Kamus Dewan Bahasa* Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathesan S. "Makna dan Penggunaan Antara" dlm. *Pelita Bahasa*, Ogos 1998.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1993. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2004. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taylor, John., 1995. *Linguistic Categorization. Prototypes in Linguistic Theory*. Oxford: Oxford University Press.